

Great Eastern Takaful Berhad

Dana-dana Berkaitan

Pelaburan



**Penyata Pengurus dan Maklumat
Kewangan Yang Telah Diaudit
31 Disember 2017**



KANDUNGAN

- 1** Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif
- 3** Jawatankuasa Pengurusan Pelaburan
- 4** Objektif-objektif Dana
- 5** Ulasan Pasaran 2017 dan Prospek Pelaburan 2018
- 8** Prestasi Dana 2017
- 9** Parbandingan Prestasi Dana 2017
- 15** Penyata oleh Pengurus
- 16** Laporan Jawatankuasa Syariah
- 17** Laporan Juruaudit Bebas
- 21** Penyata Aset dan Liabiliti
- 22** Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan
- 23** Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih
- 24** Nota kepada Maklumat Kewangan
- 51** Soalan Lazim

ASSALAMUALAIKUM DAN SALAM SEJAHTERA

Para pelabur yang dihormati,

Kami dengan sukacitanya ingin membentangkan laporan dana berkaitan pelaburan Great Eastern Takaful Berhad tahun 2017 yang terdiri daripada Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017.

Shahrul Azlan Shahrman
Ketua Pegawai Eksekutif



PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Negara telah menyaksikan landskap perniagaan yang mencabar memandangkan ketidaktentuan yang berterusan dalam pasaran kewangan sepanjang tahun 2017. Namun demikian, ekonomi negara telah berkembang pada kadar yang stabil tahun ini manakala industri takaful sendiri mencatatkan perkembangan yang ketara bersandarkan peningkatan dalam kesedaran pengguna, inovasi produk serta saluran pengedaran baru. Kami sukacita mengumumkan bahawa Dana i-Mekar telah menjana pulangan sebanyak +14.3%, mengatasi prestasi Indeks FBM Emas Syariah (FBMS) sebanyak 60 mata asas. Sementara itu, Dana i-Majmuk, sebuah dana seimbang, telah menghasilkan pulangan mantap sebanyak +12.0% di mana ia mengatasi penanda aras berwajaran (FBMS & deposit 12 bulan) sebanyak 370 mata asas. Dana i-Makmur pula menjana pulangan sebanyak 6.3% berbanding pulangan penanda arasnya (Deposit Mudharabah 12 bulan) sebanyak 2.9%.

Sebagai sebuah syarikat takaful, kami mesti melakukan segala yang mungkin bagi memacu industri takaful ke tahap lebih tinggi. Rangka Kerja Insurans Hayat dan Takaful Keluarga yang diperkenalkan oleh Bank Negara adalah baik untuk syarikat takaful seperti kami sebab ia bertindak sebagai pemangkin untuk merangsang inovasi dan pasaran yang lebih berdaya saing melalui profesionalisme dan ketelusan dalam penyediaan produk dan perkhidmatan. Melalui inisiatif ini, hasrat kami, antara lain, ialah untuk menggalakkan inovasi produk, mempelbagaikan saluran pengedaran serta mengukuhkan piawaian dan ketelusan bagi melindungi pengguna dengan lebih baik.

Melangkah ke hadapan, kami terus komited untuk meningkatkan produk dan perkhidmatan kami. Dengan penuh ketekunan dan dedikasi, kami dapat menangani semua cabaran dan sentiasa menyampaikan pulangan yang stabil kepada para pelabur kami. Saya tetap yakin bahawa kami berada dalam kedudukan baik untuk mencapai pertumbuhan yang mantap dalam industri.

Bagi pihak Great Eastern Takaful Berhad, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan penghargaan saya kepada anda semua atas sokongan berterusan anda. Semoga Allah swt memberi petunjukNya dalam segala usaha kita pada masa hadapan, Aamiin.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima Kasih

Bagi Great Eastern Takaful Berhad,

SHAHRUL AZLAN SHAHRIMAN

Ketua Pegawai Eksekutif

JAWATANKUASA PENGURUSAN ASET LIABILITI

Ahli Jawatankuasa

Shahrul Azlan Shahrman (*Pengerusi*)

Ketua Pegawai Eksekutif, Great Eastern Takaful Berhad

Jasveen Marne

Aktuari Yang Dilantik, Great Eastern Takaful Berhad

Rasman bin Abdul Ghani

Penolong Naib Presiden, Ketua Kewangan & Pengurusan, Great Eastern Takaful Berhad

Goh Pei Kuan

Naib Presiden, Pelaburan Ekuiti, Great Eastern Life (Malaysia) Berhad

Teo Chun Seng

Naib Presiden, Pengurusan Risiko dan Pematuhan, Great Eastern Life (Malaysia) Berhad

Nurul Sheila Khalib

Penolong Naib Presiden, Ketua Pengurusan Produk, Great Eastern Takaful Berhad

Jawatankuasa Syariah

Ahli Jawatankuasa

Dr. Akhtarzaite binti Abdul Aziz (*Pengerusi*)

Prof. Dato' Dr. Wan Sabri bin Wan Yusof

Dr. Mohamad Sabri bin Zakaria

Assoc. Prof. Dr. Siti Salwani binti Razali

Assoc. Prof. Dr. Suhaimi bin Ab Rahman (*Dilantik efektif 3 Januari 2017*)

Dr. Mohammad Firdaus bin Mohammad Hatta (*Dilantik efektif 3 Januari 2017*)

OBJEKTIF-OBJEKTIF DANA

Dana i-Makmur

Sebuah dana yang melabur di dalam sekuriti Islam pendapatan tetap, contohnya sukuk kerajaan dan korporat (daripada 40% hingga 100%) dan bakinya dilabur didalam deposit patuh Syariah. Dana ini bertujuan untuk memberikan pulangan konsisten pada pergolakan berparas rendah. Walaupun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia, ia boleh juga dilaburkan didalam sekuriti Islam pendapatan tetap di luar negara (sehingga 50%) untuk meningkatkan pulangan dana. Dana i-Makmur hanya melabur dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Mekar

Sebuah dana di mana 80% hingga 100% pelaburannya adalah di dalam ekuiti patuh Syariah, yang mungkin bergolak dalam jangka pendek, dan juga deposit patuh Syariah. Dana ini bertujuan untuk memperoleh peningkatan modal jangka sederhana ke panjang. Walaupun dana ini dilaburkan terutamanya di Malaysia, sebahagiannya boleh dilaburkan di Singapura (sehingga 25%) dan Hong Kong (sehingga 25%) bila dan jika perlu bagi meningkatkan pulangan dana. Dana i-Mekar hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

Dana i-Majmuk

Sebuah dana yang melabur di dalam ekuiti patuh Syariah, sekuriti pendapatan tetap dan deposit patuh Syariah. Terdapat fleksibiliti dalam peruntukan aset kerana dana ini boleh dilaburkan dalam sekuriti pendapatan tetap atau ekuiti patuh Syariah sepenuhnya. Dana ini bertujuan untuk memberikan peningkatan modal jangka sederhana ke panjang, dengan pergolakan pada paras sederhana. Dana i-Majmuk hanya dilaburkan dalam sekuriti patuh Syariah.

ULASAN DAN TINJAUAN PELABURAN

Ulasan Pasaran Ekuiti 2017

Tahun 2017 merupakan tahun yang mantap untuk ekuiti di mana Indeks MSCI Dunia (RM) telah mencatat keuntungan sebanyak 8.7%. Pasaran global menyaksikan permulaan yang kukuh untuk tahun ini berlandaskan data ekonomi yang semakin teguh dalam ekonomi global utama. Di Amerika Syarikat (AS), data ekonomi terus mengagumkan sepanjang tahun walaupun terpaksa bergelut dengan impak daripada taufan Harvey dan Irma, kebimbangan mengenai ketegangan geopolitik dengan Korea Utara dan permulaan yang tidak menentu untuk presiden Trump. Data ekonomi yang baik, dasar monetari yang akomodatif dan pembaharuan cukai yang lama ditunggu pada suku keempat terus menaikkan Dow Jones ke tahap tertinggi baru sepanjang tahun. Pasaran Eropah menunjukkan prestasi yang baik tahun ini berikutan pemulihan ekonomi yang berterusan di rantau dan walaupun menghadapi sentimen negatif terhadap keputusan Pilihan Raya Jerman serta isu kemerdekaan Catalonia. Pasaran Jepun telah disokong oleh angka pertumbuhan ekonomi yang baik ditambah pula dengan pendapatan yang melampaui jangkaan. Di samping itu, keputusan yang menggalakkan dalam pilihan raya umum mengejut pada bulan Oktober merujuk kepada kesinambungan dalam kedua-dua dasar monetari dan fiskal.

Di Asia, Indeks Morgan Stanley Capital International Asia tidak termasuk Jepun ("MSCI Asia tidak termasuk Jepun") (RM) meningkat 25.5%, mengatasi prestasi MSCI Dunia. Asia tidak termasuk Jepun telah pulih dengan teguhnya berbanding suku terakhir 2016 yang lemah, didorong oleh keyakinan lebih luas terhadap "Kesan Trump" untuk memacu pasaran global. Data ekonomi yang kukuh di seluruh rantau merupakan pendorong utama pada 2017. Syarikat-syarikat teknologi di Korea dan Taiwan serta stok internet di Asia membawa pertumbuhan yang teguh ke rantau ini.

Di peringkat domestik, Indeks Shariah EMAS FTSE Bursa Malaysia (FBMS) dan Jumlah Pulangan FBMS telah menghasilkan pulangan sebanyak 10.7% dan 13.7% masing-masing, suatu keputusan baik walaupun mengalami prestasi kurang baik di rantau ini. Separuh pertama tahun ini bermula dengan sentimen global yang mantap terhadap pertumbuhan dan juga aliran masuk modal yang kukuh. Ini disokong oleh keyakinan yang kembali positif terhadap pendapatan korporat dan data ekonomi yang kukuh. Namun demikian, pada sebahagian besar separuh kedua tahun ini, pasaran telah didagangkan secara mendatar. Salah satu daripada sebabnya ialah pendapatan yang lembap meskipun dengan data ekonomi yang kukuh. Walau bagaimanapun, FBMS mengakhiri hujung tahun dengan baik untuk menutup pada paras tertinggi sebanyak 12,614.2 mata, didorong oleh petunjuk Bank Negara pada awal November bahawa penanda aras kadar dasar semalaman mungkin dinaikkan dan juga keyakinan pasaran yang semakin meningkat terhadap pilihan raya umum yang mungkin diadakan pada separuh pertama 2018. Sektor-sektor yang menunjukkan prestasi terbaik pada tahun ini ialah bahan bangunan, telekomunikasi, sarung tangan dan teknologi. Indeks prestasi paling buruk adalah untuk sektor penjagaan kesihatan dan pembinaan.

Ulasan dan Tinjauan Pelaburan (Samb)

Prospek Pasaran Ekuiti 2018

Kami menjangka pasaran ekuiti domestik akan memberikan pulangan positif angka tunggal untuk 2018, didorong oleh (1) pemulihan ekonomi global yang lebih baik, (2) prospek harga minyak yang lebih baik, dan (3) pilihan raya tempatan yang akan datang. Di samping itu, dasar monetari bank pusat serantau dijangka berada pada tahap penormalan yang beransur-ansur dan terkawal. Bagi pendapatan korporat, kami menjangka pertumbuhan pendapatan angka tunggal yang tinggi didorong terutamanya oleh kewangan, utiliti, pengguna, pengeksport dan teknologi. Tema utama yang memacu pasaran ialah (1) pilihan raya umum, (2) perbelanjaan infrastruktur, (3) penstrukturan semula syarikat berkaitan kerajaan, (4) penerima RM yang lebih kukuh, (5) kadar faedah yang lebih tinggi, dan (6) pemulihan harga komoditi. Pada masa ini, penilaian pasaran adalah ringan, dengan dagangan pada 16.5x pendapatan hadapan 1 tahun, iaitu pada +0.5xSD min jangka panjangnya. Dari segi P/B, ia adalah murah kerana ia berdagang pada -1SD min jangka panjang. Risiko-risiko utama termasuk ketegangan geopolitik, pilihan raya tempatan, pilihan raya separuh penggal AS dan pembetulan dalam pasaran maju.

Ulasan Pasaran Pendapatan Tetap 2017

Tahun 2017 merupakan tahun positif bagi pasaran pendapatan tetap Malaysia, disokong oleh kecairan domestik yang mencukupi serta ketidaktentuan global yang rendah. Keluk hasil Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues atau "GII") semakin mencuram di mana hasil untuk jurang kematangan 1 hingga 3 tahun dan 7 hingga 15 tahun jatuh sebanyak 24 mata asas dan 17 mata asas masing-masing, manakala hasil untuk jurang kematangan antara 20 hingga 30 tahun meningkat sebanyak 10-35 mata asas, sebahagian besar disebabkan oleh penawaran tempoh yang lebih tinggi sepanjang tahun. Sementara itu, Ringgit merupakan antara mata wang Asia yang terbaik dengan keuntungan sebanyak 10.9% berbanding Dolar AS berlandaskan data pertumbuhan domestik yang baik dan kelemahan dalam Dolar AS. Dengan pertumbuhan ekonomi domestik yang mencatatkan purata 5.8% dalam tempoh sembilan bulan pertama 2017 (9M17), unjuran pertumbuhan rasmi untuk 2017 telah disemak semula ke aras lebih tinggi iaitu dari 4.3-4.8% ke 5.2-5.7%.

Aliran asing ke dalam Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities atau "MGS") dan GIJ menyaksikan perubahan ketara pada 2017 berikutan beberapa langkah dan penguatkuasaan yang diambil oleh Bank Negara Malaysia terhadap peraturan pentadbiran pertukaran asing. Penguatkuasaan ke atas sekatan dagangan luar pesisir untuk kontrak hadapan tanpa serahan (non-deliverable forwards atau "NDF") dalam Ringgit mendorong penjualan besar MGS oleh pelabur asing pada awal tahun ini. Pewajaran lebih rendah untuk Malaysia bagi beberapa indeks pendapatan tetap utama seperti Indeks Bon Global JP Morgan - Pasaran Baru Muncul dari 9.5% pada November 2016 kepada 7.5% pada April 2017 telah memburukkan lagi aliran keluar. Pada akhir Mac, pemegangan asing MGS dan GIJ jatuh kepada 38.5% (Disember 2016: 47.1%) dan 7.9% (Disember 2016: 9.2%) masing-masing, kerana pelabur luar pesisir menjual RM34.3 bilion MGS dan GIJ pada suku pertama 2017. Namun demikian, aliran keluar asing telah berkurang selepas BNM mengumumkan kelonggaran yang lebih besar dalam lindung nilai FX dalam pesisir. Bersama dengan metrik kredit positif bagi Malaysia dan tinjauan baik ke atas Ringgit, pelabur asing telah kembali pada separuh kedua 2017, manakala pemegangan asing dalam MGS meningkat kembali kepada 45.1% menjelang akhir Disember.

Ulasan dan Tinjauan Pelaburan (Samb)

Ulasan Pasaran Pendapatan Tetap 2017 (Samb)

Dari segi kadar faedah domestik, Bank Negara Malaysia (“BNM”) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate atau “OPR”) pada 3.00% pada 2017. Namun demikian, pernyataan bersifat agresif (hawkish) dalam pernyataan dasar monetari yang terkini menandakan kenaikan OPR yang akan berlaku pada 2018 disokong oleh pertumbuhan domestik yang mampan, melangkah ke 2018.


Prospek Pasaran Pendapatan Tetap 2018

Momentum pertumbuhan global dijangka berterusan pada 2018, dengan Tabung Kewangan Antarabangsa mengunjurkan pertumbuhan 3.6% hingga 3.7% untuk ekonomi global. Bersama dengan harga minyak Brent yang dijangka kekal atau lebih tinggi (Dolar AS 66.40 setong pada akhir 2017 – kenaikan harga 13% pada 2017), pertumbuhan global yang lebih selaras dan harga komoditi yang lebih tinggi mungkin akan meningkatkan jangkaan inflasi global yang lebih tinggi, justeru membawa kepada penormalan dasar monetari global yang lebih cepat. Jangkaan pelarasan dasar monetari yang lebih cepat dalam Pasaran Maju juga telah menyebabkan kegelisahan dalam pasaran pendapatan tetap global, yang mungkin melimpah ke dalam Pasaran Baru Muncul.


Di peringkat domestik, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 5.0% -5.5% pada 2018 (2017: 5.2% -5.7%) dan inflasi dijangka kekal dalam lingkungan 2.5% -3.5% pada 2018 (2017: 3.0% -4.0 %). Sasaran fiskal Malaysia sebanyak -2.8% pada 2018 (2017: -3.0%) mungkin dapat dicapai memandangkan harga minyak yang lebih tinggi (Bajet Malaysia 2018 mengandaikan purata Dolar AS 52 setong), prospek pertumbuhan mapan, dan komitmen kerajaan terhadap penggabungan fiskal yang berterusan. Dengan latar belakang ini, Ringgit boleh terus meningkat dalam jangka terdekat dan akan terus menyokong pasaran pendapatan tetap. Dalam jangka sederhana, dengan prospek pertumbuhan domestik yang mantap, BNM dijangka akan meningkatkan Kadar Dasar Semalaman sekurang-kurangnya 25 mata asas pada 2018. Ini boleh melemahkan sentimen pada aset berjangka lebih pendek, tetapi waktu OPR mungkin dinaikkan masih tidak menentu menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 Malaysia. Faktor luaran juga boleh memberi tekanan yang lebih besar pada separuh kedua 2018, namun demikian kecairan pasaran domestik dijangka dapat menampung sebarang aliran yang ketara.

PRESTASI DANA 2017


Dana i-Makmur



Dana i-Mekar



Dana i-Majmuk



PERBANDINGAN PRESTASI DANA

Dana i-Makmur

(i) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:

Sukuk Korporat & Instrumen pasaran Modal Hibrid

Bahan Pembinaan/Pembangunan

Kewangan

Lebuhraya

Hartanah

Runcit

Pertanian

Tenaga

Telekomunikasi

Pegangan Pelaburan

Pengangkutan

Utiliti

Motor

Aset berisiko rendah

Terbitan Kerajaan

Depositi dengan institusi kewangan Islam

Tunai dan baki bank

Lain-lain aset/liabiliti

Jumlah

	2017 (RM)	2017 (%)	2016 (RM)	2016 (%)	2015 (RM)	2015 (%)	2014 (RM)	2014 (%)	2013 (RM)	2013 (%)
	1,493,700	3.88%	1,441,230	4.70%	1,489,425	7.45%	1,495,200	10.55%	-	-
	4,078,340	10.59%	4,049,105	13.21%	5,501,005	27.51%	2,814,385	19.86%	1,009,500	9.93%
	856,816	2.23%	6,353,116	20.73%	4,315,741	21.58%	485,583	3.43%	949,400	9.34%
	7,599,604	19.74%	-	-	-	-	1,309,482	9.24%	1,526,050	15.01%
	1,001,500	2.60%	-	-	-	-	-	-	-	-
	-	-	-	-	508,560	2.54%	2,519,465	17.77%	-	-
	3,756,620	9.76%	-	-	500,100	2.50%	1,108,548	7.82%	2,311,100	22.73%
	-	-	-	-	1,502,385	7.51%	-	-	-	-
	-	-	5,025,950	16.40%	-	-	-	-	-	-
	5,257,760	13.66%	1,239,960	4.05%	1,199,988	6.00%	1,303,861	9.20%	-	-
	-	-	3,926,578	12.81%	4,058,000	20.29%	888,051	6.27%	1,485,810	14.62%
	4,028,320	10.46%	997,870	3.26%	-	-	-	-	-	-
	28,072,660	72.92%	23,033,809	75.16%	19,075,204	95.40%	11,924,575	84.14%	7,281,860	71.63%
	7,138,670	18.54%	1,914,420	6.25%	-	-	-	-	999,200	9.83%
	3,000,000	7.79%	4,950,000	16.15%	900,000	4.50%	2,240,000	15.80%	1,680,000	16.53%
	149,713	0.39%	67,300	0.22%	47,385	0.24%	45,500	0.32%	91,912	0.90%
	140,047	0.36%	679,692	2.22%	(24,931)	-0.12%	(35,837)	-0.26%	112,577	1.11%
	38,501,090	100.00%	30,645,221	100.00%	19,997,658	100.00%	14,174,238	100.00%	10,165,549	100.00%

Perbandingan Prestasi Dana (Samb)

Dana i-Makmur (Samb)

	2017 (RM)	2017 (%)	2016 (RM)	2016 (%)	2015 (RM)	2015 (%)	2014 (RM)	2014 (%)	2013 (RM)	2013 (%)
(II) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	38,501,090	-	30,645,221	-	19,997,658	-	14,174,238	-	10,165,549	-
(III) Bilangan Unit	25,329,967	-	20,969,146	-	15,215,146	-	11,379,976	-	8,557,989	-
(IV) NAV setiap unit	1,520	-	1,461	-	1,314	-	1,246	-	1,188	-
(V) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1,520	-	1,461	-	1,327	-	1,295	-	1,215	-
(VI) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1,453	-	1,314	-	1,246	-	1,180	-	1,157	-
(VII) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%) Pertumbuhan modal	-	6.27%	-	8.65%	-	6.09%	-	4.50%	-	3.34%
(VIII) Jumlah pulangan (%) Satu tahun	-	6.27%	-	8.65%	-	6.09%	-	4.50%	-	3.34%
Tiga tahun	-	22.50%	-	20.66%	-	14.76%	-	14.63%	-	17.48%
Lima tahun	-	32.51%	-	33.87%	-	30.47%	-	n/a	-	n/a
(IX) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan — Deposit Muharabah 12 Bulan (%)	-	2.94%	-	3.12%	-	3.21%	-	3.21%	-	3.21%
Satu tahun	-	9.56%	-	9.84%	-	9.93%	-	9.94%	-	9.81%
Tiga tahun	-	16.70%	-	17.00%	-	16.97%	-	n/a	-	n/a
Lima tahun	-		-		-		-		-	

Perbandingan Prestasi Dana (Samb)

Dana i-Mekar

j) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:

	2017 (RM)	2017 (%)	2016 (RM)	2016 (%)	2015 (RM)	2015 (%)	2014 (RM)	2014 (%)	2013 (RM)	2013 (%)
Ekuiti patuh syariah										
Pertanian & Pelembangan	3,257,020	3.49%	6,006,440	10.15%	3,213,700	8.19%	-	-	-	-
Bahan Pembinaan/Pembangunan	1,490,335	1.60%	1,731,510	2.93%	-	-	4,885,000	13.65%	1,585,838	10.60%
Konglomerat	2,980,236	3.19%	6,859,137	11.59%	1,191,518	3.04%	1,516,350	4.24%	1,127,959	7.54%
Pembinaan	7,481,066	8.02%	4,411,081	7.45%	4,684,000	11.94%	-	-	-	-
Motor	3,466,960	3.71%	-	-	-	-	-	-	-	-
Minyak & Gas	13,274,437	14.22%	7,155,620	12.09%	5,203,550	13.26%	3,548,134	9.91%	4,055,808	27.11%
Berasaskan Sumber	-	-	-	-	-	-	2,688,000	7.51%	1,447,050	9.67%
Lain-lain - Penjagaan Kesihatan	-	-	-	-	1,316,000	3.35%	-	-	-	-
Lain-lain - Pembiayaan	10,182,110	10.91%	3,733,091	6.31%	3,643,400	9.28%	-	-	-	-
Hartanah	9,261,802	9.92%	6,188,524	10.46%	1,073,928	2.74%	4,699,500	13.13%	185,482	1.24%
Teknologi	6,903,658	7.40%	-	-	458,000	1.17%	-	-	1,002,018	6.70%
Telekomunikasi	11,003,609	11.79%	4,780,569	8.08%	7,055,805	17.98%	4,104,935	11.47%	1,104,020	7.38%
Pengangkutan	10,157,525	10.88%	5,091,570	8.60%	2,061,400	5.25%	2,308,500	6.45%	-	-
Utiliti	792,858	0.85%	2,658,434	4.49%	1,998,000	5.09%	3,580,750	10.01%	1,349,250	9.02%
Lain-lain	-	-	-	-	-	-	1,564,500	4.37%	1,473,265	9.85%
Deposit dengan institusi kewangan Islam										
Tunai dan baki bank	80,251,616	85.98%	48,615,976	82.15%	31,899,301	81.29%	28,895,669	80.74%	13,330,690	89.11%
Lain-lain aset/liabiliti	15,600,000	16.72%	11,900,000	20.11%	8,170,000	20.82%	8,220,000	22.97%	1,480,000	9.89%
	338,298	0.36%	85,237	0.14%	41,898	0.11%	75,724	0.21%	133,607	0.89%
Lain-lain aset/liabiliti	(2,865,257)	-3.06%	(1,414,545)	-2.40%	(865,300)	-2.22%	(1,404,185)	-3.92%	17,809	0.11%
Jumlah	93,324,657	100.00%	59,186,668	100.00%	39,245,899	100.00%	35,787,208	100.00%	14,962,106	100.00%

Perbandingan Prestasi Dana (Samb)

Dana i-Mekar (Samb)

	2017 (RM)	2017 (%)	2016 (RM)	2016 (%)	2015 (RM)	2015 (%)	2014 (RM)	2014 (%)	2013 (RM)	2013 (%)
(II) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	93,324,657	-	59,186,668	-	39,245,899	-	35,787,208	-	14,962,106	-
(III) Bilangan Unit	57,005,278	-	40,932,991	-	27,222,102	-	26,328,038	-	10,250,756	-
(IV) NAV setiap unit	1.637	-	1.446	-	1.442	-	1.359	-	1.460	-
(V) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.637	-	1.476	-	1.442	-	1.668	-	1.460	-
(VI) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.446	-	1.392	-	1.309	-	1.359	-	1.113	-
(VII) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%) Pertumbuhan modal	-	14.27%	-	-1.11%	-	6.20%	-	-5.40%	-	28.20%
(VIII) Jumlah pulangan (%) Satu tahun	-	14.27%	-	-1.11%	-	6.20%	-	-5.38%	-	28.20%
Tiga tahun	-	20.00%	-	-0.63%	-	28.83%	-	36.73%	-	43.49%
Lima tahun	-	45.57%	-	43.59%	-	44.19%	-	n/a	-	n/a
(IX) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan – Deposit Mudharabah 12 Bulan (%) Satu tahun	-	10.72%	-	-6.14%	-	2.35%	-	-4.17%	-	13.29%
Tiga tahun	-	6.36%	-	-7.95%	-	11.11%	-	21.42%	-	29.76%
Lima tahun	-	15.47%	-	16.64%	-	27.27%	-	n/a	-	n/a

Perbandingan Prestasi Dana (Samb)

Dana i-Majmuk

(i) Komposisi dana mengikut sektor industri dan kategori pelaburan:

	2017 (RM)	2017 (%)	2016 (RM)	2016 (%)	2015 (RM)	2015 (%)	2014 (RM)	2014 (%)	2013 (RM)	2013 (%)
Ekuiti patuh syariah										
Pertanian dan Pelombongan	905,400	2.33%	493,000	1.86%	972,350	5.22%	-	-	-	-
Bahan Pembinaan/Pembangunan	625,348	1.61%	694,067	2.62%	-	-	2,119,500	11.91%	988,575	10.11%
Konglomerat	1,164,189	3.00%	2,148,875	8.12%	392,747	2.11%	551,400	3.10%	537,191	5.50%
Pembinaan	1,749,933	4.51%	847,884	3.20%	1,823,800	9.79%	-	-	-	-
Minyak & Gas	2,692,796	6.94%	1,367,740	5.17%	2,024,500	10.86%	1,609,510	9.05%	2,313,065	23.66%
Berasaskan sumber	-	-	-	-	-	-	555,578	3.12%	543,150	5.56%
Lain-lain	1,555,660	4.01%	-	-	756,700	4.06%	951,700	5.35%	1,008,024	10.31%
Lain-lain - Pembinaan	2,689,987	6.93%	1,352,379	5.11%	1,894,500	10.16%	-	-	-	-
Hartanah	3,855,641	9.94%	1,901,601	7.19%	633,074	3.40%	2,053,992	11.55%	65,855	0.67%
Teknologi	2,861,100	7.37%	464,920	1.76%	227,500	1.22%	-	-	334,118	3.42%
Telekomunikasi	4,276,124	11.02%	1,457,183	5.51%	3,290,286	17.65%	2,504,400	14.08%	768,600	7.86%
Pengangkutan	-	-	-	-	843,300	4.52%	841,700	4.73%	-	-
Utiliti	3,952,985	10.19%	2,066,929	7.81%	865,800	4.65%	1,763,500	9.91%	796,600	8.15%
Sukuk Korporat & Instrumen pasaran Modal Hibrid	26,329,163	67.87%	12,794,578	48.36%	13,724,557	73.64%	12,951,280	72.80%	7,355,177	75.24%
Lebuhraya	2,105,660	5.43%	2,085,900	7.88%	-	-	-	-	-	-
Utiliti	-	-	1,974,060	7.46%	-	-	-	-	-	-
Hartanah	994,790	2.56%	994,520	3.76%	-	-	-	-	-	-
Motor	1,007,080	2.60%	997,870	3.77%	-	-	-	-	-	-
Aset berisiko rendah	4,107,530	10.59%	6,052,350	22.87%	-	-	-	-	-	-
Lain-lain	1,021,550	2.63%	1,017,050	3.84%	-	-	-	-	-	-
Deposit dengan institusi kewangan Islam	8,200,000	21.14%	6,850,000	25.89%	5,060,000	27.15%	4,980,000	27.99%	2,340,000	23.94%
Tunai dan baki bank	124,182	0.32%	90,609	0.34%	31,252	0.17%	146,839	0.83%	100,222	1.03%
Lain-lain aset/liabiliti	(986,486)	-2.54%	(346,014)	-1.31%	(177,459)	-0.95%	(287,977)	-1.62%	(20,468)	-0.21%
Jumlah	38,795,940	100.00%	26,458,573	100.00%	18,638,350	100.00%	17,790,142	100.00%	9,774,931	100.00%

Perbandingan Prestasi Dana (Samb)

Dana i-Majmuk (Samb)

	2017 (RM)	2017 (%)	2016 (RM)	2016 (%)	2015 (RM)	2015 (%)	2014 (RM)	2014 (%)	2013 (RM)	2013 (%)
(II) Jumlah nilai aset bersih ("NAV")	38,795,940	-	26,458,573	-	18,638,350	-	17,790,142	-	9,774,931	-
(III) Bilangan Unit	26,874,550	-	20,510,812	-	14,271,398	-	14,611,519	-	7,546,915	-
(IV) NAV setiap unit	1.444	-	1.290	-	1.306	-	1.218	-	1.295	-
(V) NAV tertinggi setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.444	-	1.309	-	1.306	-	1.450	-	1.295	-
(VI) NAV terendah setiap unit sepanjang tahun kewangan	1.290	-	1.257	-	1.195	-	1.218	-	1.015	-
(VII) Jumlah pulangan tahunan bagi dana (%) Pertumbuhan modal	-	11.98%	-	-1.00%	-	6.83%	-	-5.59%	-	20.94%
VIII) Jumlah pulangan (%) Satu tahun	-	11.98%	-	-1.00%	-	6.83%	-	-5.59%	-	20.94%
Tiga tahun	-	18.42%	-	-0.16%	-	21.97%	-	24.08%	-	29.06%
Lima tahun	-	35.21%	-	31.22%	-	30.16%	-	n/a	-	n/a
IX) Prestasi indeks penanda aras yang berkaitan - Deposit Mudharabah 12 Bulan (%) Satu tahun	-	6.83%	-	-1.51%	-	2.78%	-	-0.48%	-	8.25%
Tiga tahun	-	7.96%	-	0.95%	-	10.52%	-	15.68%	-	19.79%
Lima tahun	-	16.08%	-	16.82%	-	22.12%	-	n/a	-	n/a

PENYATA OLEH PENGURUS

Kami, Shahrul Azlan Bin Shahrman dan Rasman bin Abdul Ghani, menyatakan bahawa, pada pendapat Pengurus, maklumat kewangan mengiringi Dana Berkaitan Pelaburan Great Eastern Takaful Berhad, yang terdiri daripada Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk yang dibentangkan pada mukasurat 21 hingga 50 telah disediakan selaras dengan polisi-polisi perakaunan sebagaimana dinyatakan dalam Nota 2.2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Dana Berkaitan Pelaburan Perniagaan Insurans/Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Bagi pihak Pengurus,

Shahrul Azlan Bin Shahrman

Rasman bin Abdul Ghani

Kuala Lumpur, Malaysia
5 April 2018

LAPORAN JAWATANKUASA SYARIAH

Kepada pemegang-pemegang unit dana-dana berkaitan pelaburan Great Eastern Takaful Berhad,

Kami, Dr. Akhtarzaite binti Abdul Aziz dan Dr. Mohamad Sabri bin Zakaria, selaku dua orang ahli Jawatankuasa Syariah untuk Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk (secara kolektifnya dikenali sebagai “Dana-dana”) berpendapat bahawa Great Eastern Takaful Berhad (“Pengurus”), telah memenuhi tanggungjawab mereka dalam cara-cara berikut untuk tahun kewangan 1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2017.

Pada pendapat kami, bagi tempoh dibawah tinjauan:

- a. Dana i-Makmur telah dilaburkan menurut senarai sukuk yang diluluskan oleh Syariah yang dikadarkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad;
- b. Dana i-Mekar dilaburkan dalam ekuiti yang diluluskan oleh Syariah selaras dengan senarai sekuriti yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- c. Dana i-Majmuk dilaburkan dalam ekuiti yang diluluskan oleh Syariah selaras dengan senarai sekuriti yang diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan menurut senarai sukuk yang diluluskan oleh Syariah yang dikadarkan oleh Rating Agency Malaysia Berhad dan Malaysian Rating Corporation Berhad; dan
- d. Pendapatan yang diperolehi dari aset-aset yang dilaburkan atau tidak menurut cara-cara yang mematuhi prinsip Syariah telah diluluskan melalui kerja-kerja kebajikan.

Ditandatangani bagi pihak Jawatankuasa Syariah.

Dr. Akhtarzaite binti Abdul Aziz

Dr. Mohamad Sabri bin Zakaria

Kuala Lumpur, Malaysia

LAPORAN JURUAUDIT LUAR

Kepada Pemegang-pemegang Unit Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Laporan mengenai Audit Maklumat Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan untuk Dana i-Makmur, Dana i-Mekar dan Dana i-Majmuk (secara kolektif dikenali sebagai “Dana-dana”), yang terdiri daripada penyata aset dan liabiliti pada 31 Disember 2017, penyata perbelanjaan dan pendapatan, penyata perubahan dalam nilai aset bersih bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017, dan ringkasan polisi perakaunan yang penting, seperti yang dinyatakan pada muka surat 21 hingga 50.

Pada pendapat kami, penyata kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama tentang kedudukan kewangan Dana-dana pada 31 Disember 2017 dan prestasi kewangan bagi tahun berakhir tersebut selaras dengan dasar-dasar perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Dana Berkaitan Pelaburan Perniagaan Insurans/Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

Asas bagi Pendapat

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian-piawaian tersebut diuraikan dengan lebih lanjut didalam seksyen *Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan* laporan ini. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk membentuk asas bagi pendapat kami.

Penekanan perkara

Kami ingin menarik perhatian kepada Nota 2.1 kepada maklumat kewangan Dana-dana, yang menjelaskan dasar perakaunan. Maklumat kewangan Dana-dana disediakan untuk membantu Dana-dana dalam mematuhi Garis Panduan mengenai Dana Berkaitan Pelaburan Perniagaan Insurans/Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Oleh itu, maklumat kewangan Dana-dana mungkin tidak sesuai untuk tujuan lain. Laporan kami adalah bertujuan semata-mata untuk pemegang unit Dana-dana, sebagai sebuah badan dan tidak boleh diagihkan kepada atau digunakan oleh pihak lain selain daripada pemegang-pemegang unit Dana-dana. Pendapat kami tidak diubahsuai berkaitan dengan perkara ini.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Kami bebas daripada Dana-dana selaras dengan undang-undang kecil (on Professional Ethics, Conduct and Practice) Institut Akauntan Malaysia (“Undang-undang kecil”) dan “*International Ethics Standards Board for Accountants’ Code of Ethics for Professional Accountants*” (“Kod IESBA”), dan kami telah memenuhi semua tanggungjawab etika kami mengikut undang-undang kecil tersebut dan Kod IESBA.

Laporan Juruaudit Luar (Samb)
Kepada Pemegang-pemegang Unit Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Maklumat selain daripada Maklumat Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya

Para Pengarah pihak Pengurus (“Pengarah”) bertanggungjawab untuk lain-lain maklumat. Maklumat lain terdiri daripada maklumat yang dikemukakan didalam Penyata Tahunan Dana-dana tetapi tidak termasuk maklumat kewangan Dana-dana dan laporan juruaudit kami mengenainya.

Pendapat kami mengenai maklumat kewangan Dana-dana tidak merangkumi maklumat yang lain dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit kami mengenai maklumat kewangan Dana-dana, tanggungjawab kami adalah untuk membaca maklumat yang lain dan, dalam berbuat demikian, mempertimbangkan sama ada maklumat yang lain itu tidak selaras dengan ketara dengan maklumat kewangan Dana-dana atau pengetahuan yang kami perolehi ketika menjalankan audit, ataupun, tersalah nyata yang material.

Jika berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami mendapati bahawa ada maklumat lain yang mempunyai perbezaan yang material, kami dikehendaki untuk melaporkannya. Kami tidak mempunyai apa-apa untuk dilaporkan berkenaan ini.

Pengarah bertanggungjawab untuk penyediaan maklumat kewangan Dana-dana yang memberi gambaran yang benar dan saksama selaras dengan dasar-dasar perakaunan seperti yang dinyatakan dalam Nota 2 kepada maklumat kewangan dan Garis Panduan mengenai Dana Berkaitan Pelaburan Perniagaan Insurans/Takaful yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang sewajarnya bagi memastikan penyediaan maklumat kewangan Dana-dana yang bebas daripada salah nyata yang material, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan maklumat kewangan Dana-dana, Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Dana-dana untuk meneruskan operasi, mendedahkan yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan keupayaan Dana-dana untuk meneruskan operasi dan menggunakan dasar perakaunan operasi berterusan, melainkan jika Pengarah mempunyai hasrat untuk mencairkan Dana-dana atau berhenti beroperasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik selain untuk berbuat demikian.

Laporan Juruaudit Luar (Samb)
Kepada Pemegang-pemegang Unit Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan

Objektif kami adalah untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada maklumat kewangan Dana-dana secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang mengandungi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap kepastian yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara jika ia wujud. Salah nyata boleh timbul akibat penipuan atau kesilapan dan dianggap material jika, secara individu atau agregat, boleh mempengaruhi keputusan ekonomi pengguna yang dibuat berdasarkan maklumat kewangan ini.

Kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Kami juga:

- Mengenalpasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam maklumat kewangan Dana-dana, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, menyediakan dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk membentuk asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada risiko yang terhasil daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, maklumat yang sengaja ditinggalkan, gambaran yang salah, atau melanggar prosedur-prosedur kawalan dalaman.
- Mendapatkan pemahaman kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Dana-dana.
- Menilai kesesuaian dasar perakaunan dan anggaran perakaunan yang digunakan dan juga menilai nota-nota kepada maklumat kewangan yang dibuat oleh Pengarah.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian dasar perakaunan tentang operasi berterusan yang digunakan oleh Pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian material yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang besar mengenai keupayaan Dana-dana untuk terus beroperasi. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian material wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian kepada nota-nota kepada maklumat kewangan Dana-dana didalam laporan Juruaudit kami, atau, jika nota-nota berkenaan tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan boleh menyebabkan Dana-dana untuk berhenti beroperasi.
- Menilai keseluruhan pembentangan maklumat kewangan, struktur dan kandungan maklumat kewangan Dana-dana, termasuk nota-nota kepada maklumat kewangan, dan sama ada maklumat kewangan yang dibentangkan menghasilkan pembentangan yang saksama tentang asas transaksi dan peristiwa-peristiwa berkaitan.

Laporan Juruaudit Luar (Samb)

Kepada Pemegang-pemegang Unit Dana-dana Berkaitan Pelaburan
Great Eastern Takaful Berhad (Diperbadankan di Malaysia)

Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Maklumat Kewangan (Samb)

Kami berkomunikasi dengan Pengarah mengenai, antara lain, skop audit yang dirancang, jangkamasa audit dan penemuan audit penting, termasuk kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang dikenalpasti semasa audit kami.

Ernst & Young

AF: 0039

Akauntan-akauntan Bertauliah

Brandon Bruce Sta Maria

No. 02937/09/2019 J

Akauntan Bertauliah

Kuala Lumpur, Malaysia

5 April 2018

PENYATA ASET DAN LIABILITI

pada 31 Disember 2017

		2017			2016		
	Nota	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM
Aset							
Pelaburan	3	38,211,330	95,851,616	39,658,243	29,898,229	60,515,976	26,713,978
Lain-lain penghutang	6	1,327,067	631,718	904,744	2,914,947	6,258,681	4,147,387
Tunai dan baki bank		149,713	338,298	124,182	67,300	85,237	90,609
Jumlah aset		39,688,110	96,821,632	40,687,169	32,880,476	66,859,894	30,951,974
Liabiliti							
Peruntukan bagi cukai		188,049	224,149	81,731	143,256	23,196	38,287
Liabiliti cukai tertunda	4	14,497	594,458	212,697	30,555	148,318	50,125
Lain-lain pemiutang	7	984,474	2,678,368	1,596,801	2,061,444	7,501,712	4,404,989
Jumlah liabiliti		1,187,020	3,496,975	1,891,229	2,235,255	7,673,226	4,493,401
Nilai aset bersih dana ("NAV")		38,501,090	93,324,657	38,795,940	30,645,221	59,186,668	26,458,573
Diwakili oleh:							
Modal pemegang-pemegang unit		33,227,154	85,085,344	34,723,235	26,792,764	58,469,751	25,193,587
Keuntungan terkumpul		5,273,936	8,239,313	4,072,705	3,852,457	716,917	1,264,986
Akaun pemegang-pemegang unit	5	38,501,090	93,324,657	38,795,940	30,645,221	59,186,668	26,458,573
Unit dalam edaran	5	25,329,967	57,005,278	26,874,550	20,969,146	40,932,991	20,510,812
NAV setiap unit	5	1.520	1.637	1.444	1.461	1.446	1.290

Nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting maklumat kewangan ini

PENYATA PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

Nota	2017			2016		
	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM	Dana i-Makmur RM	Dana i-Mekar RM	Dana i-Majmuk RM
Pendapatan pelaburan bersih						
Keuntungan daripada akaun pelaburan patuh Syariah	119,541	357,469	176,175	60,985	264,450	130,889
Keuntungan daripada sekuriti hutang korporat patuh Syariah	1,344,248	-	215,591	1,011,257	-	198,562
Keuntungan daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia	179,811	-	43,781	132,649	-	12,389
Pendapatan dividen	-	1,826,381	637,848	-	977,277	334,938
Perbelanjaan pelaburan	(6,720)	(433,271)	(159,052)	(6,900)	(359,424)	(120,652)
	1,636,880	1,750,579	914,343	1,197,991	882,303	556,126
Keuntungan bersih atas pelupusan pelaburan	886,636	3,963,977	1,149,640	714,114	1,059,802	532,934
Keuntungan bersih modal tidak direalisasi	-	5,576,789	2,032,158	284,375	-	-
Lain-lain pendapatan	269	655	450	5,729	49,599	13,716
Jumlah pendapatan	2,523,785	11,292,000	4,096,591	2,202,209	1,991,704	1,102,776
Kerugian bersih modal tidak direalisasi	(200,720)	-	-	-	(1,658,216)	(999,785)
Caj pengurusan aset	(171,402)	(1,072,564)	(398,529)	(121,633)	(683,853)	(275,796)
Lain-lain perbelanjaan	(570,203)	(1,980,699)	(631,350)	(485,342)	(1,503,637)	(534,540)
Jumlah perbelanjaan	(942,325)	(3,053,263)	(1,029,879)	(606,975)	(3,845,706)	(1,810,121)
Lebihan pendapatan atas perbelanjaan/ (lebihan perbelanjaan atas pendapatan) sebelum cukai	1,581,460	8,238,737	3,066,712	1,595,234	(1,854,002)	(707,345)
Cukai	(159,981)	(716,341)	(258,993)	(93,126)	(64,095)	(23,009)
Pendapatan/(perbelanjaan) bersih bagi tahun	1,421,479	7,522,396	2,807,719	1,502,108	(1,918,097)	(730,354)
Pendapatan tidak diagih dibawa ke hadapan	3,852,457	716,917	1,264,986	2,350,349	2,635,014	1,995,340
Pendapatan/(perbelanjaan) bersih bagi tahun	1,421,479	7,522,396	2,807,719	1,502,108	(1,918,097)	(730,354)
Pendapatan tidak diagih dihantar ke hadapan	5,273,936	8,239,313	4,072,705	3,852,457	716,917	1,264,986

Nota yang dilampirkan membentuk sebahagian penting maklumat kewangan ini

PENYATA PERUBAHAN DALAM NILAI ASET BERSIH

bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2017

	2017			2016		
	Modal pemegang- pemegang unit RM	Keuntungan terkumpul RM	Jumlah RM	Modal pemegang- pemegang unit RM	Keuntungan terkumpul RM	Jumlah RM
Dana i-Makmur						
NAV pada permulaan tahun kewangan	26,792,764	3,852,457	30,645,221	17,647,309	2,350,349	19,997,658
Pendapatan bersih bagi tahun	-	1,421,479	1,421,479	-	1,502,108	1,502,108
Jumlah diterima daripada unit-unit dibentuk	10,982,295	-	10,982,295	11,937,403	-	11,937,403
Jumlah dibayar bagi unit-unit dibatal	(4,547,905)	-	(4,547,905)	(2,791,948)	-	(2,791,948)
NAV pada akhir tahun kewangan	33,227,154	5,273,936	38,501,090	26,792,764	3,852,457	30,645,221
	2017			2016		
	Modal pemegang- pemegang unit RM	Keuntungan terkumpul RM	Jumlah RM	Modal pemegang- pemegang unit RM	Keuntungan terkumpul RM	Jumlah RM
Dana i-Mekar						
NAV pada permulaan tahun kewangan	58,469,751	716,917	59,186,668	36,610,885	2,635,014	39,245,899
Pendapatan/(perbelanjaan) bersih bagi tahun	-	7,522,396	7,522,396	-	(1,918,097)	(1,918,097)
Jumlah diterima daripada unit-unit dibentuk	32,344,954	-	32,344,954	26,018,013	-	26,018,013
Jumlah dibayar bagi unit-unit dibatal	(5,729,361)	-	(5,729,361)	(4,159,147)	-	(4,159,147)
NAV pada akhir tahun kewangan	85,085,344	8,239,313	93,324,657	58,469,751	716,917	59,186,668
	2017			2016		
	Modal pemegang- pemegang unit RM	Keuntungan terkumpul RM	Jumlah RM	Modal pemegang- pemegang unit RM	Keuntungan terkumpul RM	Jumlah RM
Dana i-Majmuk						
NAV pada permulaan tahun kewangan	25,193,587	1,264,986	26,458,573	16,643,010	1,995,340	18,638,350
Pendapatan/(perbelanjaan) bersih bagi tahun	-	2,807,719	2,807,719	-	(730,354)	(730,354)
Jumlah diterima daripada unit-unit dibentuk	11,661,061	-	11,661,061	9,784,138	-	9,784,138
